

TEKS UCAPAN YBHG. DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF, YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KEMPEN DERMA DARAH PADA 2HB OKTOBER, 2014 DI AUDITORIUM, IBU PEJABAT MPSP, BANDAR PERDA

Yang DiHormati Ahli Majlis-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Yang Berusaha Puan Lily Boey
Wakil Pertubuhan Thalassaemia Pulau Pinang

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian

SELAMAT PAGI DAN SALAM SEJAHTERA,

Terlebih dahulu saya mengalu-alukan kedatangan semua warga kerja MPSP khususnya Ahli-Ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan penderma darah pada pagi ini ke Majlis Perasmian Kempen Derma Darah anjuran MPSP untuk Pertubuhan Thalassaemia Pulau Pinang. Majlis ini amat bermakna sebagai usaha MPSP menghulurkan bantuan dan pertolongan kepada golongan yang memerlukan. Di sini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kempen ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pihak Pertubuhan Thalassaemia Pulau Pinang telah memohon kepada MPSP untuk menganjurkan kempen derma darah di kalangan warga kerja MPSP dengan bertujuan untuk membantu pesakit Thalassaemia yang memerlukan transfusi darah setiap bulan di Hospital Pulau Pinang dan Seberang jaya.

Sebagai makluman, Thalassaemia adalah penyakit kecacatan darah. Thalassaemia merupakan penyakit yang diwarisi, iaitu diwariskan dari keluarga kepada anak. Kecacatan gen menyebabkan hemoglobin dalam sel darah merah menjadi tidak normal. Mereka yang mempunyai penyakit Thalassaemia tidak dapat menghasilkan hemoglobin yang mencukupi dalam darah mereka. Hemoglobin adalah bahagian sel darah merah yang mengangkut oksigen daripada paru-paru keseluruhan tubuh. Semua tisu tubuh manusia memerlukan oksigen. Akibat kekurangan sel darah merah yang normal akan menyebabkan pesakit kelihatan pucat kerana paras hemoglobin (Hb) yang rendah (anemia).

Sel darah merah bertugas membekalkan oksigen kepada tisu dalam badan manusia. Kekurangan sel darah merah bagi membekalkan oksigen akan mengakibatkan pesakit Thalassaemia berasa lesu, tidak bermaya, dan mungkin sesak nafas sekiranya paras hemoglobin semakin menurun.

Mereka yang menghidap Thalassaemia tidak mampu membekalkan seluruh sel tubuh mereka dengan bekalan oksigen yang mencukupi akibat kekurangan hemoglobin dalam sel darah merah. Tisu yang ketiadaan oksigen akhirnya gagal berfungsi dengan baik. Dengan itu

tubuh mereka menjadi lemah, gagal berkembang dengan baik dan mereka boleh menjadi sakit teruk.

Pesakit Thalassaemia biasanya mempunyai paras hemoglobin yang rendah. Tanpa rawatan yang sempurna, beberapa komplikasi boleh berlaku dan lazimnya mereka akan meninggal dunia di usia remaja.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Menderma darah untuk membantu pesakit Thalassaemia adalah satu inisiatif yang murni. Sesungguhnya, ia merupakan satu kerja yang terbaik di antara kerja yang baik-baik. Marilah kita meneruskan usaha murni sebegini, bertepatan dengan Firman Allah SWT, dalam Surah Al Maidah, ayat 32, yang bermaksud:

“ ... Dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seseorang manusia, seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya.”

Berdasarkan mafhum ayat di atas, penderma darah juga adalah golongan insan berjiwa luhur yang mengutamakan kepentingan orang lain kerana berusaha untuk menyelamatkan seseorang manusia yang amat memerlukan darah selaras dengan kaedah fiqhiyyah.

Selain daripada itu, Tema WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) “Give the gift of life : Donate blood”, membawa erti bahawa menderma darah boleh disifatkan sebagai memberikan kehidupan kepada seorang insan yang memerlukannya.

Ini bermakna tabiat menderma darah bukan sahaja sebagai satu amalan, malah aktiviti ini juga dilihat sebagai satu ibadah.

Ramai di antara kita yang menyedari bahawa masyarakat, khususnya di negara ini, secara keseluruhannya masih sukar untuk mewujudkan satu sikap yang benar-benar positif terhadap menderma darah. Walaupun ramai yang sedar bahawa darah amatlah penting bagi kehidupan setiap orang namun apabila pusat-pusat perubatan dan para doktor berkempen memerlukan darah,ambutannya kadangkala mengecewakan.

Pada masa dahulu, sikap masyarakat amatlah negatif dengan mereka memberi berbagai alasan untuk mengelak daripada menderma darah baik sekalipun kepada isteri atau keluarga sendiri. Misalnya alasan agama, alasan takut kesihatan terganggu, dan alasan tidak boleh menderma kepada orang selain daripada yang sesama agama dan keturunan, dan bermacam-macam alasan lagi. Perasaan pengorbanan untuk menyelamatkan nyawa dalam kecemasan tidak timbul sama sekali kerana dipengaruhi oleh alasan-alasan yang tidak munasabah.

Tetapi pemikiran yang waras dan perasaan berperikemanusiaan mengatasi segala alasan dengan kerjasama Jabatan Agama dan Jabatan Kesihatan yang memberi keterangan yang jelas mengenai hukum dan peraturan menderma darah. Sesungguhnya agama kita yang mulia dan pragmatik memandu ummahnya untuk berbuat baik dan membantu orang lain. Seharusnya rakan menderma kepada rakan yang lain tidak mengira keturunan, tidak mengira bulan puasa atau alasan lain. Mengorbankan setitik darah untuk kebaikan adalah satu amalan yang murni, apatah lagi sekiranya sebotol darah dikehendaki.

Para hadirin yang saya hormati,

Saya berharap kempen ini juga diteladani dengan lebih banyak oleh organisasi yang lain. Sokongan semua pihak, termasuk dari sektor swasta diperlukan bagi menjayakan program kemasyarakatan dan amal sebegini.

Sebagai Yang Dipertua MPSP, sudah tentu saya juga turut merasa teruja dan bersemangat dengan inisiatif ini. Saya berdoa agar kempen ini dapat diteruskan pada masa hadapan dan terus mendapat sokongan semua pihak.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru kepada warga MPSP dan semua individu yang sihat supaya tampil untuk menderma darah sama ada melalui Persatuan-persatuan, Jabatan-jabatan yang menganjurkan program seperti ini atau datang sendiri ke Tabung Darah Hospital yang berdekatan. Ingatlah, bahawa darah yang anda dermakan, mungkin dapat menyelamatkan nyawa orang lain yang memerlukan.

Akhir sekali dalam kesempatan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada mereka yang sentiasa prihatin, menyokong, khasnya para penderma darah yang akan menderma sebentar nanti. Saya juga tidak lupa merakamkan terima kasih kepada semua pihak khasnya Hospital Seberang Jaya yang telah memberi kerjasama menjayakan kempen derma darah pada hari ini.

Dengan kata-kata tersebut, dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya melancarkan “Kempen Derma Darah MPSP untuk Pertubuhan Thalassaemia Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih dan selamat menderma.